

BESTARI

EDITOR: NORLAILA HAMIMA JAMALUDDIN
TEL: 1-300-22-6787 SAMB: 8269
E-MAIL: laila@metro.com.my

KELAS MASA DEPAN

Fazurawati Che Lah
fazurawati@metro.com.my

Institusi pendidikan perlu menjadi gedung ilmu yang paling membahagikan dan pencetus kepada keinginan untuk terus belajar tidak kira peringkat umur. Proses pembelajaran

juga perlu berjalan dalam suasana menyeronokkan dalam usaha menyemai rasa cinta terhadap ilmu. Universiti dan sekolah perlu menjadi tempat yang perbezaannya bukan saja dihormati tetapi dihayati dan diraihan. Perbezaan itu merangkumi akses, kemampuan

intelektual, kemahiran, sosioekonomi dan budaya serta pelbagai latar belakang yang dapat diterjemahkan melalui inisiatif dalam institusi pendidikan itu sendiri. Bagi mencapai hasrat itu, institusi pendidikan perlu kreatif dalam mencari jalan untuk membina

ruang dan peluang supaya pelajar dapat berinteraksi serta berintegrasi. Sejalan dengan perkembangan teknologi dan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0), sudah tiba masanya universiti di negara ini mereka bentuk semula ruang pembelajaran supaya dapat me-

nyediakan lebih banyak peluang interaksi antara pelajar dan pensyarah dengan bantuan peralatan teknologi terkini. Konsep kampus dan kelas pintar menjadi antara agenda yang sering diperkatakan dalam industri pengajian tinggi ketika ini.

> 44&45

TINGKAT PRESTASI MURID PESISIR PANTAI

Dalam usaha membantu meningkatkan kualiti pendidikan kanak-kanak yang tinggal di pesisiran pantai, Institut Pendidikan Guru (IPG) Kota Bharu, Kelantan dan Pusat Komuniti Kelestarian Universiti Malaya (UMCares) menganjurkan Seminar Penyelidikan dan Inovasi. Program untuk kanak-kanak di pesisiran pantai khususnya di Kota Bharu itu menjadi medan perkongsian ilmu pengetahuan, kemahiran dan perbincangan ke arah menghasilkan inovasi pendidikan yang dapat melonjak pendidikan murid berkenaan. Inisiatif berkenaan bagi mempersiapkan murid pesisiran pantai untuk men-

depani cabaran era digital, Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0). Ketua Jabatan Penyelidikan dan Inovasi, IPG Kampus Kota Bharu, Dr Raja Shaharudin Raja Mohamad berkata, program itu mampu meningkatkan prestasi akademik murid pesisiran pantai. Beliau berkata, ia juga dapat membantu guru untuk berani berubah, membuat anjakan paradigma dan minda menerima hasil penyelidikan yang dijalankan. "Secara tidak langsung, seminar ini berupaya mencetuskan inovasi dan kreativiti dalam pengajaran selain pembelajaran ke arah meningkatkan kualiti serta amalan di dalam bilik darjah," katanya.



> 43

DARI MUKA 42

Peserta program, Norazan Mat Nor berkata, murid pesisiran pantai perlu didedahkan dengan kemahiran pembelajaran abad ke-21 bagi meningkatkan pembabitan aktif di dalam bilik darjah.

"Usaha memperkenalkan penggunaan 'pembelajaran bergerak', tablet dan iPad sebagai medium pembelajaran menerusi projek intranet dilihat sebagai satu pendekatan alternatif yang dapat direalisasikan di sekolah pesisiran pantai ini kerana kebanyakannya tidak mendapat kemudahan jalur lebar.

"Di samping itu, kanak-kanak pesisiran pantai juga perlu dilibatkan sepenuhnya dengan aktiviti pembelajaran digital seperti penggunaan Aplikasi Aurasma, Kod QR dan 'm-learning'. "Saranan ini bagi menarik minat mereka terhadap pembelajaran dan seterusnya meningkatkan penyertaan dalam pendidikan arus perdana," katanya.

Sementara itu, dalam sesi Cetus Idea Inovasi bersama Pensyarah Kanan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya (UM), Dr Mohd Nazri Abdul Rahman mendapati beberapa isu pendidikan kanak-kanak pesisiran pantai perlu ditangani bersama.

Dr Mohd Nazri berkata, pembabitan guru sebagai penyelidik dalam bilik darjah adalah satu inisiatif terbaik untuk merungkai permasalahan dan mengentengkan beberapa program yang dapat dijalankan bagi memperbaiki penyertaan serta prestasi akademik kanak-kanak berkenaan.

"Isu pendidikan kanak-kanak pesisir pantai berkait rapat dengan kualiti penyampaian pengajaran

Pembabitan guru sebagai penyelidik dalam bilik darjah inisiatif terbaik rungkai permasalahan

GUNA TABLET, IPAD SEBAGAI ALTERNATIF



BERGAMBAR kenangan selepas selesai seminar.

dan tahap kompetensi guru serta kemampuan menguasai kemahiran pembelajaran abad ke-21 berpotensi menarik minat kanak-kanak ini untuk hadir ke sekolah.

"Penyelidikan dan inovasi pengajaran seharusnya dilaksanakan secara kolaborasi antara guru di sekolah dengan kepakaran pensyarah di IPG.

"Ia bagi meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berfikir pada aras tinggi dan kemahiran menggunakan perisian komputer atau alatan canggih digunakan guru," katanya.

Fazurawati Che Lah



SEBAHAGIAN alatan mengajar.

Isu pendidikan kanak-kanak pesisir pantai berkait rapat dengan kualiti penyampaian pengajaran dan tahap kompetensi guru serta kemampuan menguasai kemahiran pembelajaran abad ke-21 berpotensi menarik minat kanak-kanak ini untuk hadir ke sekolah

DR MOHD NAZRI

NewsConnect

PELAJARI PEMASARAN BERJAYA & TERBUKTI

The Majestic Hotel, Kuala Lumpur | 18-22 Mac 2019 (Isnin-Jumaat)

Kami menyediakan 6 sesi untuk anda ikuti setiap hari: 10.00 pagi, 11.30 pagi, 1.00 tengah hari, 2.30 petang, 4.00 petang dan 5.30 petang

DAFTAR SEKARANG | newsconnect.asia

atau hubungi +6012 305 3364

DR MASZLEE
melihat salah satu
teknologi PdP.

BELAJAR JADI PERKARA MENYERONOKKAN

UPM menerusi Fakulti Pengajian Pendidikan lancar Putra Future Classroom sebagai antara inisiatif Kampus Pintar

FOKUS

DARI MUKA 42

Malah konsep kelas pintar yang menjadi sebahagian daripada inisiatif kampus pintar ini masih baharu dalam bidang pendidikan tinggi negara.

Bagaimanapun, sudah ada pensyarah mengambil inisiatif untuk mengaplikasikan perkara berkenaan dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) masing-masing, selaras dengan keperluan generasi pelajar hari ini yang lebih berorientasikan gajet dan teknologi.

Menyokong keperluan itu, Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Fakulti Pengajian Pendidikan melancarkan Putra Future Classroom (PFC) sebagai salah satu inisiatif Kampus Pintar.

Ia bertujuan menyemarakkan ekosistem PdP berteraskan teknologi supaya menjadi lebih kon-



BAHAN yang digunakan untuk PdP menarik dan kreatif.

disif dan menyeronokkan bagi pelajar serta warga kampus.

Seiring dengan era IR 4.0 dan gagasan Pendidikan 4.0, PFC berfungsi sebagai pusat rujukan prototaip bilik darjah atau bilik kuliah masa depan yang menggunakan amalan terbaik pengintegrasian teknologi dalam pembelajaran serta pengajaran.

Menariknya, satu majlis pelancaran PFC diadakan dan disempurnakan Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik di Auditorium Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, baru-baru ini.

Ketika berucap melancarkannya, Dr Maszlee berkata, PFC adalah sebuah makmal PdP yang boleh membawa perubahan kepada falsafah, landskap dan ekosistem serta amalan terbaik dalam sistem pendidikan.

Katanya, pendemokrasian pendidikan melalui program, aplikasi

dan peranti yang dibangunkan adalah ke arah melahirkan rakyat terdidik dan berdaya maju.

Sehubungan itu, institusi pengajian tinggi dan syarikat swasta perlu berganding bahu mewujudkan aplikasi atau peranti untuk memudahkan PdP, antaranya bagi Bahasa Inggeris dan Matematik termasuk bagi kanak-kanak di peringkat prasekolah.

Katanya, aplikasi yang mesra warga emas dan pesara juga boleh dibangunkan berdasarkan pembelajaran sepanjang hayat kerana tiada alasan untuk tidak perlu belajar apabila usia semakin meningkat.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris pula berkata, PFC menjadi pusat latihan, inkubator penghasilan bahan pembelajaran dalam talian dan pencetus inovasi integrasi teknologi dalam PdP.

Katanya, PFC dilengkapi teknologi terkini yang diperlukan dalam memperkasakan ekosistem pengajaran dan pembelajaran semasa. "Ia menjadi perintis makmal pengajaran mikro berintegrasikan teknologi terkini dalam kalangan universiti awam (UA) seluruh Malaysia.

"Sejak diisytiharkan Februari 2017, PFC menjadi pusat rujukan dari pelbagai institusi pendidikan daripada pelbagai latar belakang.

"Selain menjalankan pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan



Ia menjadi perintis makmal pengajaran mikro berintegrasikan teknologi terkini dalam kalangan universiti awam (UA) seluruh Malaysia

DR AINI

fleksibel, PFC memberi kelainan dalam ekosistem pembelajaran di fakulti berbanding bentuk kelas sebelum ini," katanya.



SEBAHAGIAN tetamu mencuba PdP yang dihasilkan.



DR MASZLEE mencuba VR yang ada di PFC.



PENUNTUT kurang upaya menerangkan teknologi PdP yang dihasilkan.